

Turkiye, Syria digegar gempa bumi

PM bangga komitmen pasukan SAR di Turkiye

Pengorbanan, dedikasi luar biasa bukti Malaysia prihatin nasib mangsa gempa

Gaziantep (Turkiye): Datuk Seri Anwar Ibrahim menzahirkan perasaan bangga beliau dan rakyat Malaysia atas kecekapan serta tahap profesionalisme pasukan mencari dan menyelamat (SAR) negara yang bertugas membantu mangsa gempa bumi di Nurdagi, di sini.

Pasukan SAR negara terdiri daripada anggota Pasukan Mencari dan Penyelamat Khas Malaysia (SMART), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta Kor Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Perdana Menteri berkata, pasukan berkenaan yang ditempatkan di Nurdagi menunjukkan pengorbanan dan keupayaan

luar biasa yang boleh dibanggakan.

“Saya bangga sekali dengan pasukan kita yang telah menunjukkan keupayaan luar biasa, pengorbanan luar biasa. Gabenor dan wakil gabenor di sini turut menyatakan pasukan kita menunjukkan dedikasi yang luar biasa.

“Saya bagi pihak seluruh rakyat ingin mengucapkan penghargaan dan berdoa kepada Allah SWT, mudah-mudahan beban rakyat di sini diringankan dan kita (Malaysia) akan buat sedaya upaya untuk membantu,” katanya.

Kumpul dana RM30 juta

Memberitahu demikian kepada pemberita selepas melawat kem pasukan SAR Malaysia di Stadium Nurdagi, di sini semalam, Anwar berkata, sehingga semalam, Malaysia berjaya mengumpul dana bantuan bencana di Turkiye sebanyak RM30 juta.

Katanya, beliau akan berjumpa Presiden Turkiye, Reccep Tayyip Erdogan untuk menyampaikan bantuan berkenaan, selain doa dan simpati rakyat Malaysia.

Terdahulu, Anwar meluangkan masa kira-kira 40 minit melawat dan mendengar taklimat



Anwar bertemu Erdogan di Ankara dalam kunjungannya bagi menzahirkan solidariti Malaysia sebagai negara sahabat ketika saat getir yang dihadapi Turkiye.



Anwar mendengar penerangan daripada Safrizan (dua dari kiri) mengenai peralatan yang digunakan SMART dalam misi SAR. (Foto BERNAMA)

operasi pasukan SAR negara.

Beliau tiba di sini pada jam 9 pagi waktu tempatan (2 petang waktu Malaysia) diiringi Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas) Datuk Armizan Mohd Ali.

Ketibaan Perdana Menteri disambut oleh Timbalan Komander Kontinjen SAR Malaysia, Deputi

Superintendan Safrizan Suhaini dan Ketua Pasukan MAS-10, Abdul Manaf Che Isa.

Anwar kemudian diberi taklimat ringkas pengoperasian pasukan SAR negara oleh Safrizan sebelum dibawa melihat peralatan dan kelengkapan SAR serta dua anjing pengesanan, Frankie dan Denti yang dibawa ke sini.

Perdana Menteri turut berkesempatan memenuhi permintaan anggota pasukan SAR negara

untuk duduk di atas padang bagi bergambar beramai-ramai sebagai pemangkin semangat, sekaligus menceriaikan kem pasukan SAR negara.

Anwar dalam rangka lawatan mengejut ke Turkiye atas dasar persahabatan dan permintaan Erdogan yang telah dua kali menghubunginya meminta beliau ke negara ini. Perdana Menteri dijadual mengadakan pertemuan dengan Erdogan di Ankara.

Pada 11 Febuari lalu, Anwar telah berhubung dengan Erdogan sejurus tiba dari lawatan rasmi di Bangkok, Thailand bagi menyampaikan ucapan takziah serta doa atas kejadian bencana itu.

Perdana Menteri telah menunjukkan komitmen dan solidariti kepada rakyat Turkiye dengan menghantar dua pasukan SMART, termasuk dua anjing pengesanan (K9) serta membina Hospital Medan Malaysia Tahap Tiga yang dikendalikan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Setakat kelmarin, pasukan SAR negara telah mengeluarkan 47 mayat dan menyelamatkan lima sekeluarga. BERNAMA